

## Dua lori ayam sejuk beku disita

**JOHOR BAHRU** – Cubaan membawa masuk ayam sejuk beku tanpa permit berjaya digagalkan Jabatan Kastam Johor susulan penahanan dua lori kontena di dua lokasi berasingan, di sini, kelmarin.

Penahanan lori terbabit dibuat di Jalan Gangsa, Kawasan Perindustrian Pasir Gudang dan kawasan Plaza Tol Cahaya Baru Pasir Gudang kira-kira jam 2.30 petang.

Kes diserahkan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan

Malaysia (Maqis) untuk siasatan dan tindakan.

Pengarah Maqis Wilayah Selatan, Siti Nur Ahmad berkata, hasil pemeriksaan ke atas kedua-dua kenderaan itu menemui kira-kira 58 tan kuantiti dagangan berisi potongan ayam sejuk beku.

“Hasil pemeriksaan yang dijalankan mendapati lori pertama membawa 24,000 kilogram (kg) potongan ayam sejuk beku dan lori kedua turut membawa kuantiti muatan yang sama tidak mempunyai per-



**Kotak berisi ketulan ayam sejuk beku yang dirampas.**

mit import dari Maqis.

“Kedua-dua lori ini dipandu lelaki tempatan dan muatan dibawa dari sebuah syarikat perusahaan makanan berpangkalan di Taman

Molek, di sini,” katanya.

Siti Nur berkata muatan berupa ayam sejuk beku dan lori yang digunakan tersebut telah disita untuk tindakan lanjut.